

D189

B 8770 AAB
MAHATHIR - KERETA R R R

SHAH ALAM, 9 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEJAYAAN PROJEK KERETA NASIONAL ADALAH BUKTI KEMAMPUAN MALAYSIA DAN RAKYATNYA DALAM BIDANG PEMBUATAN KERETA.

+USAHA YANG GIGIH, PENUH DEDIKASI SERTA SANGGUP PULA MENGHADAPI CABARAN PASTI AKAN MENCAPAI MATLAMAT YANG DIKEHENDAKI,+ KATA PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI KILANG KERETA NASIONAL DAN PELANCARAN +PROTON SAGA+ DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMANDU UJI UNIT PERTAMA +PROTON SAGA+ SELEPAS PELANCARAN TERSEBUT. KILANG BERHARGA \$550 JUTA ITU DIJANGKA MENGELUARKAN 7,500 UNIT DARI SEKARANG HINGGA DISEMBER TAHUN INI.

KATANYA KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM PERINDUSTRIAN BERAT ADALAH UNTUK MEMPERLUAS DAN MENGUKUHKAN ASAS PERINDUSTRIAN NEGARA DALAM USAHA MENCAPAI TARAF SEBAGAI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN.

MESKIPUN MALAYSIA BARU SAHAJA MENCEBURI BIDANG PERINDUSTRIAN, IA AKAN BERJAYA DENGAN SEPENUHNYA SEKIRANYA RAKYAT SANGGUP BEKERJA KERAS, BERDISIPLIN DAN MENGURUS DENGAN CEKAP DAN JUJUR, TAMBAHNYA.
-- LAGI.

1338MST 09 07 85

MAHATHIR - KERETA 2 SHAH ALAM R R R

+PADA HARI INI, NEGARA KITA MELANGKAH SETAPAK LAGI KE HADAPAN KE ARAH PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN. KILANG KERETA NASIONAL DAN PENGELUARAN PROTON SAGA ADALAH BUKTI KESANGGUPAN KITA UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF-OBJEKTIF PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGARA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG DITEMANI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DI UPACARA TERSEBUT, BERKATA KEJAYAAN PROJEK ITU MEMBAWA ERTI YANG BESAR BAGI EKONOMI NEGARA.

+DI SAMPING KITA BERBANGGA DAPAT MENGELUARKAN KERETA SENDIRI, PROJEK INI AKAN MENJADI NADI PENGGERAK BAGI PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI SAMPINGAN,+ KATANYA.

KATANYA MELALUI PROJEK KERETA NASIONAL INDUSTRI MEMBUAT KOMPONEN BOLEH MENCAPAI TARAF KEMAMPUAN KEJURUTERAAN DAN PENYERAPAN TEKNOLOGI YANG TINGGI.

DI SAMPING ITU JUGA, TAMBAHNYA, SEKTOR PEMBUAT KOMPONEN AKAN MEMBUKA PELUANG-PELUANG PELABURAN DAN PEKERJAAN. -- LAGI.

1404MST 09 07 85

D198

B B774 AAB

MAHATHIR - KERETA 3 SHAH ALAM R R R

INDUSTRI KERETA JUGA MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI SAMPINGAN YANG LAIN SEPERTI INDUSTRI LOGAM, INDUSTRI BERASASKAN GETAH DAN PLASTIK, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENYERU INDUSTRI KOMPONEN KERETA SUPAYA MEMPERTINGKATKAN LAGI MUTU DAN KECEKAPAN PENGELUARAN MEREKA SUPAYA BUKAN SAHAJA DAPAT MEMBEKALKAN PASARAN TEMPATAN TETAPI JUGA MENEMBUSI PASARAN LUAR NEGERI.

KATANYA USAHA-USAHA HENDAKLAH DIBUAT DALAM BIDANG KEMAJUAN BARANGAN SUPAYA MUTU BARANGAN YANG DIKELUARKAN OLEH PENGELUAR-PENGELUAR TEMPATAN SENTIASA DIJAGA.

SEHUBUNGAN DENGAN INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMUJI SYARIKAT PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL SDN BHD (PROTON) KERANA TELAH MENUBUHKAN JABATAN PENYELIDI PROTON DENGAN MENJALANKAN KEGIATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN.

-- LAGI.

1416MST 09 07 85

D205

B B779 AAB

MAHATHIR 4 SHAH ALAM

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENGELUARAN PROTON SAGA ADALAH SANGAT TEPAT PADA MASANYA DALAM USAHA KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN PENGALIRAN KELUAR TUKARAN ASING DENGAN MENGGALAKAN PEMBELIAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA.

BELIAU MENYERU RAKYAT MEMBERI SOKONGAN DAN MEMBELI PROTON SAGA YANG MUTUNYA ADALAH SETARAF DENGAN KERETA-KERETA YANG DIBUAT DI LUAR NEGERI.

DALAM UCAPANNYA Pengerusi Proton Tan Sri Datuk Jamil Mohd. Jan berkata dari segi mutu dan prestasi Proton Saga melambangkan pencapaian teknologi yang tinggi.

DALAM UJIAN MENYELURUH YANG TELAH DIJALANKAN BERSAMA-SAMA KERETA JENIS LAIN, PROTON SAGA BUKAN SAHAJA DAPAT MENANDINGI MALAH MENGATASI PESAING-PESAINGNYA DALAM BEBERAPA ASPEK, JELASNYA.

KATANYA KERETA ITU AKAN MULA DIJUAL DALAM BULAN SEPTEMBER INI OLEH EDARAN OTOMOBIL NASIONAL SDN BERHAD (EON), SYARIKAT PENGEDAR PROTON SAGA. -- BERNAMA.